

PEMUPUKAN PENGATURAN KENDIRI AKHLAK MELALUI PROSES PENDIDIKAN ISLAM YANG DITERAPKAN OLEH IBU BAPA

**Khairunnisa Binti A Shukor^a, Jimaain Bin Safar^a,
Kamarul Azmi bin Jasmi^a, Ahmad Firdaus Bin Mohd Noor^b,
Mohd Yusry Yusof @ Salleh^b, Mohd Farhan Bin Abd Rahman^b, Nurul
Khairiah Binti Khalid^b, Mukhamad Khafiz Bin Abdul Basir^b, Muhd Imran
Bin Abd Razak^b**

^aAkademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Teknologi Malaysia, Malaysia

^bAkademi Pengajian Islam Kontemporary (ACIS), UiTM Perak Cawangan Seri
Iskandar, Malaysia

ABSTRAK

Pengaturan kendiri merupakan satu kemahiran yang sangat penting untuk membantu individu menghadapi cabaran getir, seterusnya berjaya dalam kehidupan. Artikel ini membincangkan peranan ibubapa memupuk kemahiran pengaturan kendiri akhlak sebagai satu proses pendidikan dalam Islam. Perbincangan ini bukan sahaja dilakukan dengan menekankan kepada kaedah-kaedah pemupukan pengaturan kendiri akhlak sepertimana yang disarankan dalam perspektif Islam, malah perbandingan dengan perspektif Barat juga dilakukan. Melalui perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa, terdapat empat cara bagi ibubapa memupuk penguasaan pengaturan kendiri akhlak, iaitu; interaksi sosial, ibu bapa sebagai model sikap yang baik, galakkan pengamalan sikap baik melalui pengukuhan positif dan negatif, serta menjadikan sikap baik sebagai satu kebiasaan melalui pengulangan. Perbincangan serta rumusan yang dibuat dalam artikel ini seharusnya dapat membantu ibubapa serta guru-guru dalam proses memupuk penguasaan pengaturan kendiri dalam kalangan generasi masa hadapan.

Kata kunci: pengaturan kendiri, pemupukan akhlak, peranan ibu bapa

FOSTERING AKHLAQ SELF-REGULATION THROUGH THE PROCESS OF ISLAMIC EDUCATION AS APPLIED BY PARENTS

ABSTRACT

Self-regulation is a very important skill to help individuals face the challenges of life and succeed in life. This article discusses the role of parents in cultivating *akhlaq* self-regulating skills as an educational process in Islam. The discussion is not only done by emphasizing the rules of cultivating *akhlaq* self-regulation as

suggested in the Islamic perspective, also the comparison with the Western perspectives. Through the discussion, it can be concluded that, there are four ways for parents to cultivate *akhlaq* self-regulation, which are; social interactions, parents as a model of good attitudes, encouraging the practice of good attitudes through positive and negative reinforcement, and making good behaviour as a habit through repetition. Discussions and conclusion made in this article should help parents and teachers in the process of cultivating self-regulation over future generations.

Keywords: self-regulation, cultivating good *akhlaq*, parents' role

PENGENALAN

Dunia yang mencabar hari ini memerlukan manusia yang proaktif dan kompeten untuk kekal bertahan seterusnya berjaya mengharungi cabaran getir kehidupan. Pengaturan sendiri dan pendekatan strategik merupakan satu aspek kehidupan yang semakin diperlukan dalam dunia yang semakin rumit (Fritz dan Peklaj, 2011). Ia membantu manusia untuk merancang dan mengatur strategi demi mencapai kejayaan yang berterusan.

Sungguh pun begitu, kemahiran pengaturan sendiri ini perlu dipupuk sejak kecil. Baker dan Hoerger (2012) berpendapat bahawa kekuatan pengaturan sendiri dipengaruhi oleh cara ibu bapa membesarkan anak-anak. Anak-anak kecil memerlukan bantuan orang yang lebih dewasa untuk memperkembangkan kemahiran pengaturan sendiri mereka (Florez, 2011). Sokongan yang sistematik melalui campur tangan ibu bapa membantu perkembangan pengaturan sendiri kerana kemahiran ini tidak berkembang melalui kematangan (Schunk and Zimmerman, 2003).

Pengaturan sendiri juga menjadi lebih baik dengan adanya sokongan dari agama. Berpandukan intipati agama, manusia dapat meningkatkan kawalan sendiri daripada melakukan dosa dan maksiat yang mendatangkan kemurkaan Allah SWT, seterusnya meningkatkan kemahiran pengaturan sendiri untuk mejadi seorang hamba Allah SWT yang berjaya dunia dan akhirat. Penekanan fungsi ibu bapa untuk membentuk akhlak yang baik dalam kalangan ahli keluarga demi menuju kejayaan di akhirat ditekankan oleh Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 6 yang berikut;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن
تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang

diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

DEFINISI PENGATURAN KENDIRI

Usher dan Pajares (2008) mendefinisikan pengaturan kendiri sebagai satu proses metakognitif, di mana manusia meneroka pemikiran mereka sendiri, menilai prestasi dan merancang laluan alternative untuk mencapai kejayaan. Ia merupakan satu kaedah yang dapat membantu manusia memburu kejayaan melalui perancangan cuba-jaya yang melibatkan usaha yang berterusan. Proses memburu kejayaan menjadi satu kitaran di mana setiap kali berlakunya kegagalan, manusia mencuba pelbagai alternatif baru untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Definisi ini selari dengan fitrah manusia yang sering melakukan kesalahan. Tetapi, umat Islam dianjurkan untuk bertaubat selepas melakukan dosa dan memperbaiki kesilapan tersebut agar menjadi manusia yang lebih baik. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 39 yang berikut;

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Carver dan Scheier (2010) pula percaya bahawa pengaturan kendiri berkait rapat dengan kawalan kendiri, di mana mereka merujuk kepada sikap sebagai satu proses yang menunjukkan kawalan maklumbalas untuk membantu manusia mengendalikan pelbagai tugas dan membantu menukarkan matlamat-matlamat yang berbeza secara serentak menjadi satu aliran gerak kerja di mana matlamat-matlamat ini bertukar-tukar mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Kejayaan hidup seperti yang digariskan dalam Islam bukan hanya tertumpu kepada akhirat semata-mata. Matlamat hidup manusia di dunia juga membantu kepada pencapaian matlamat untuk berjaya di akhirat kelak. Dengan amalan di dunia sebagai bekal, barulah Allah SWT dapat menghitung amalan sebagai satu ukuran untuk melayakkan seseorang manusia itu diterima beriman atau sebaliknya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anbiya’ ayat 47:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitungkan); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.”*

Blair, Calkins dan Kopp (2010) berpendapat bahawa pengaturan sendiri merujuk kepada satu proses untuk mengkalkan tahap emosi dan stimulasi kognitif yang membawa kepada adaptasi positif, yang akhirnya melahirkan efikasi, agensi dan nilai diri yang positif. Melalui kawalan sendiri, manusia dapat membina emosi dan sikap yang positif seterusnya memberikan ketenangan terhadap diri sendiri dan manusia sekeliling. Ianya bermula dengan penilaian diri secara positif dan akhirnya melahirkan efikasi sendiri yang positif juga. Umat Islam seharusnya menilai diri secara positif kerana dengan penerimaan diri maka tindakan yang diambil sesuai dengan kemampuan diri. Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai sebaik-baik makhluk, maka manusia perlu menunjukkan rasa syukur dengan menggunakan nikmat ini untuk membangunkan diri dan menyumbang dalam masyarakat dan agama. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Dhuha ayat 3 hingga 5.

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ
وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ
الْأُولَىٰ ۖ وَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ

Maksudnya: *“(Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik). Dan sesungguhnya kesudahan keadaannya adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya. Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau reda - berpuas hati.”*

Kesimpulannya, pengaturan sendiri dalam Islam merujuk kepada satu proses kawalan terhadap sikap dan emosi agar selari dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Islam melalui pencapaian matlamat-matlamat di dunia sebagai satu persediaan untuk menuju kejayaan di dunia dan akhirat.

PENGATURAN KENDIRI AKHLAK

Asas keperibadian dalam Islam bergantung kepada kekuatan jiwa, kemarahan dan intelek (Mohd. Najib Abdul Ghaffar dan Salehuddin Sabar, 2007). Keseimbangan antara ketiga-tiga fakulti ini amat diperlukan kerana jika salah satu melebihi yang lain akan mengundang sikap negatif. Imam al-Ghazali (1987) menekankan kepada peranan jiwa sebagai sumber kepada sikap seseorang, di mana keimanan membantu jiwa untuk mengeluarkan sikap yang baik, manakala

pelaksanaan sikap yang lemah menunjukkan keimanan yang lemah. Pemupukan jiwa dapat dilakukan melalui peningkatan keimanan.

Berbanding dengan pendapat dari Barat, sikap merupakan satu proses kognitif (Schunk and Zimmerman, 2003; Johnson, Azevedo dan D'Mello, 2011; Schmitz and Perels, 2011). Janssen, De Gucht, ven Exel, dan Maes (2012) melihat pengaturan kendiri sikap sebagai satu tindakan yang bermatlamat dan menggariskan kemahiran dan kognisi asas kepada fasa-fasa pencapaian matlamat yang berbeza, seperti efikasi kendiri, penetapan matlamat, perancangan, pemantauan kendiri, maklumbalas, strategi pengendalianantisipasi atau efikasi kendiri.

Imam al-Ghazali percaya bahawa jiwa dapat dipupuk untuk melahirkan akhlak yang baik. Oleh itu, ia bukanlah satu teori yang dibaca oleh seseorang dan kemudiannya dilahirkan dalam bentuk idea. Walau bagaimana pun, pemahaman terhadap pelaksanaan sikap yang baik masih memerlukan proses kognitif. Walau bagaimana pun, penghayatannya dapat dilakukan melalui jiwa yang penuh keimanan. Penghayatan akhlak dapat dibina melalui latihan untuk melahirkan akhlak yang mulia. Sikap dapat dibentuk melalui pendidikan, latihan dan disiplin demi mencapai keredaan Tuhan (Semetsky, 2010). Allah SWT memandang tinggi mereka yang berusaha atas nama Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam Surah Luqman ayat 22.

وَمَنْ يُسَلِّمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقَىٰ ۗ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

Maksudnya: “Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Pengukuhan akhlak melalui pemantapan keimanan yang mengukuhkan jiwa dapat dilihat dalam pandangan Koole, McCullough, Kuhl, dan Peter, (2009). Koole et al. menekankan kepada impak keagamaan ke atas pengaturan kendiri dalaman iaitu:

- i. Keagamaan memudahkan pengamalan pengaturan kendiri dalaman dengan mengaktifkan mekanisme psikologi, contohnya mensiapsediakan keadaan motivasi dan emosi.
- ii. Agama mentransformasikan keterikatan terhadap figura tertentu kepada kesetiaan kepada agama, sebagai contoh, proses pentafsiran metafora yang terdapat dalam agama memudahkan gaya kognitif yang kondusif kepada pengaturan kendiri dalaman.
- iii. Kebanyakan pengamalan agama mengawal fungsi tubuh yang berfungsi untuk membantu mencapai ketenangan minda, mendalami lagi pemahaman terhadap agama dan berkait rapat dengan penyesuaian fungsi tubuh.

- iv. Orientasi keagamaan dalaman meningkatkan penghayatan prinsip keagamaan kerana ianya mengharapkan pengalaman yang bermanfaat seperti ganjaran sosial atau material.

Melalui pandangan Koole et al. (2009) ini, dapat dirumuskan bahawa pengaturan sendiri dapat mempengaruhi pembentukan jiwa yang mana akhirnya memberi kesan positif terhadap motivasi dan emosi seseorang, memupuk pemikiran untuk meningkatkan kesediaan mengatur sendiri, menambah pemahaman terhadap fungsi anggota badan dengan menjaganya dan menggunakannya dengan baik, serta menambah penghayatan terhadap prinsip-prinsip agama. Dengan mendidik anak-anak mengatur sendiri dengan membentuk jiwa melalui agama, akhlak yang baik akan terbentuk secara berperingkat.

Terdapat empat kaedah yang dapat digunakan untuk pendidikan akhlak yang baik; belajar melalui pengajaran, jadikan ia satu kebiasaan, melalui pemerhatian dan akhirnya melalui nasihat (Musa, 2010). Keempat-empat kaedah selari dengan elemen-elemen khas yang terdapat dalam pengaturan sendiri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 yang berikut.

Jadual 1: Perbandingan Kaedah Pendidikan Akhlak dengan Elemen Pengaturan Kendiri

Kaedah Pendidikan Akhlak (Musa, 2010)	Elemen Pengaturan Kendiri (Zimmerman dan Cleary, 2009)
Melalui nasihat	Interaksi sosial
Melalui pemerhatian	Ibu bapa sebagai model
Belajar melalui pengajaran	Pengukenan positif dan negatif
Jadikan ia satu kebiasaan	Pengulangan sikap yang baik

PERANAN IBU BAPA DALAM MEMBINA KEMAHIRAN PENGATURAN KENDIRI

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembinaan pengaturan sendiri. Terdapat beberapa elemen pengaturan sendiri yang dapat diberikan perhatian oleh ibu bapa untuk membantu anak-anak menguasai pengaturan sendiri yang baik. Elemen-elemen tersebut adalah interaksi sosial, ibu bapa sebagai model, pengukenan positif dan negatif, dan pengulangan sikap yang baik (Zimmerman dan Cleary, 2009).

1. Interaksi Sosial

Kemahiran pengaturan sendiri perlu dibina sejak kecil. Ia dipupuk melalui interaksi sosial dengan masyarakat, persekitaran dan secara peribadi (Schunk dan Zimmerman, 2003). Manusia perlu sedia untuk berubah sebagai hasil daripada maklumbalas kepada respon yang diterima daripada interaksi tersebut

(Zimmerman dan Cleary, 2009). Dengan itu, penguasaan kemahiran pengaturan sendiri dimantapkan lagi.

Oleh sebab itu, Islam menekankan hubungan persaudaraan dalam kalangan masyarakat agar pembinaan akhlak yang baik dalam kalangan anak-anak disokong oleh persekitaran. Pengamalan agama yang kukuh dalam kawasan setempat dapat memberikan satu impak yang besar dalam pendidikan anak-anak kerana corak keibubapaan yang diterapkan telah dipengaruhi oleh elemen-elemen keagamaan dalam masyarakat. Peningkatan interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak merupakan satu faktor yang membantu peningkatan penguasaan pengaturan sendiri dalam kalangan anak-anak yang masih kecil. Ibu bapa menikmati sokongan keibubapaan yang lebih kuat dan lebih luas dengan menghadiri tempat-tempat ibadah dengan kerap dan ianya memberikan kestabilan dan komuniti kepada kanak-kanak (Bornstein et al., 2017). Malah, Petro, Edna, Erasmus, dan Roman (2017) mendapati bahawa, cara ibu bapa menerapkan nilai-nilai keagamaan dalam diri anak-anak berlaku dengan adanya sokongan daripada rumah-rumah ibadah.

Mason, Harris, dan Graham (2011) menyatakan bahawa dorongan, interaksi dan bimbingan adalah satu permulaan dalam perkembangan pengaturan sendiri, walau bagaimana pun, ianya semakin pudar saat anak-anak meningkat dewasa. Hal ini kerana apabila kemahiran pengaturan sendiri telah dapat dikuasai, anak-anak dapat melaksanakannya secara berdikari dan berkesan (Eekelen, Boshuizen, dan Vemunt, 2015). Musa (2010) mencadangkan kaedah nasihat sebagai satu cara untuk ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak. Anak-anak juga merasa tidak selesa untuk melakukan kesalahan kesan apabila ibu bapa memuji perlakuan yang baik dan menunjukkan persetujuan atas tingkahlaku yang positif (Petro et al., 2017).

2. Ibu Bapa Sebagai Model

Pemerhatian dan model dewasa merupakan salah satu cara untuk menguasai pengaturan sendiri (Schunk dan Zimmerman, 2003). Kanak-kanak memerhatikan orang yang lebih dewasa sehingga meningkatkan efikasi sendiri, kegigihan dan akhirnya mencapai kejayaan. Malah, orang dewasa juga menunjukkan kawalan sendiri yang lemah akibat cara didikan yang keras memandangkan mereka kurang keakraban dalam dengan ibu bapa, kurang kehangatan kasih sayang, dan contoh (model baik) yang terhad (Petro et al., 2017).

Salah satu contoh pembinaan pengaturan sendiri yang dapat dilihat ialah pelaksanaan solat. Penekanan terhadap pelaksanaan solat fardhu lima waktu perlu dimulakan sejak kecil. Kanak-kanak dibawa oleh ibu bapa ke masjid atau solat berjemaah di rumah. Kanak-kanak melihat contoh melalui ibu bapa mereka sehinggakan mereka menjadikan solat sebagai satu keutamaan dan dapat melaksanakannya walau pun semasa ketiadaan ibu bapa. Orang dewasa sebagai model merupakan salah satu elemen penting dalam perkembangan pengaturan sendiri.

Kajian yang dijalankan oleh Bornstein et al. (2017) mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai tahap keagamaan yang tinggi apabila anak berusia 8 tahun

meningkatkan efikasi keibubapaan apabila anak berusia 9 tahun, seterusnya memberi kesan positif terhadap kecekapan sosial dan prestasi persekolahan anak-anak. Malah, ia juga dapat mengurangkan masalah dalaman dan luaran. Hal ini menenunjukkan bahawa faktor keagamaan ibu bapa mempengaruhi tingkah laku anak-anak dan ini menjadikan ibu bapa sebagai model yang baik untuk anak-anak contoh.

3. Pengukuhan Positif Dan Negatif

Syed Abdurahman Syed Hussin (2005) menekankan kaedah *targhib* dan *tarhib* berdasarkan kepada ganjaran dan hukuman sebagai satu cara membentuk tingkah laku. Walau pun dengan memberi ganjaran dan hukuman memberi kesan yang positif untuk mengubah tingkahlaku, kesannya tidak berpanjangan (Gurland dan Glowacky, 2011). Kajian Bornstein et al. (2017) mendapati bahawa persepsi anak-anak terhadap gaya didikan ibu bapa berasaskan agama dikaitkan dengan sikap terlalu mengawal yang akhirnya meningkat masalah sikap. Kajian ini juga mendapati bahawa, walau pun ibu bapa melihat cara didikan ini sebagai lambing kasih sayang, tetapi anak-anak melihatnya sebagai satu tindakan penolakan terhadap anak-anak.

Hal ini terjadi kerana timbul salah faham terhadap pengukuhan positif sebagai memberi ganjaran dan pengukuhan negatif sebagai hukuman (Shields dan Gredler, 2003). Salah faham ini menyebabkan anak-anak kekal dengan pengaturan sendiri hanya apabila berkehendakkan ganjaran atau menjauhi hukuman, bukan untuk mengejar matlamat peribadi (Gurland dan Glowacky, 2011) yang adakalanya ia memberi kepuasan diri dan memberi kesan mendalam terhadap perkembangan emosi. Flora (2012) menjelaskan bahawa pengukuhan merupakan satu cara untuk meningkatkan kadar pelaksanaan sesuatu sikap melalui kesan pengukuhan, berbanding dengan hukuman yang dijalankan dengan tujuan untuk mengurangkan kadar pelaksanaan sesuatu tingkahlaku berdasarkan penalti terhadap perbuatan tersebut. Flora juga menjelaskan bahawa pengukuhan terbahagi kepada dua, iaitu positif dan negatif. Menurut Corey (2009), pengukuhan positif digunakan untuk meningkatkan kekerapan sikap diinginkan dengan menggantikan sikap yang tidak diinginkan, seperti mendapat markah yang baik kerana berusaha bersungguh, oleh itu tindakan usaha bersungguh-sungguh diulangi untuk mendapat keputusan yang sama. Manakala pengukuhan negatif pula digunakan apabila ingin menjauhi keadaan atau stimulus yang tidak diinginkan. Corey memberi contoh rakannya yang menetapkan masa untuk jam loceng berbunyi supaya dapat bangun awal, tetapi rakannya itu tidak suka mendengar jam loceng tersebut. Maka, rakannya akan bangun lebih awal sebelum jam tersebut berbunyi.

Bergin dan Bergin (2012) pula telah membuat perbandingan antara pengukuhan negatif dengan hukuman. Hukuman merupakan satu tindakan untuk mengurangkan kekerapan sesuatu perlakuan. Ianya berbeza daripada pengukuhan negatif, di mana sesuatu tindakan dilakukan untuk mengelakkan keadaan yang tidak diinginkan. Ramai ibu bapa yang sudah tersalah faham di antara keduanya, oleh itu Bergin dan Bergin menjadikan ia lebih mudah dengan

menjelaskan bahawa, jika sesuatu tindakan itu meningkatkan kekerapan sesuatu sikap, itu menunjukkan pengukuhan, dan jika mengurangkan, maka, ia adalah hukuman. Ibu bapa perlu jelas tentang pengukuhan yang manakah akan meningkatkan motivasi anak-anak mengamalkan sikap yang baik. Ianya boleh dilakukan melalui pengukuhan positif iaitu dengan memberi pujian atau melalui pengukuhan negatif, contohnya dengan meluangkan masa dengan anak akan dapat menghindarkan anak-anak dari terjebak dengan gejala sosial.

4. Pengulangan Sikap Baik

Proses pembelajaran menjadi lebih berkesan melalui pengalaman. Ianya merupakan satu kaedah yang baik kerana sikap akan terbina melalui kematangan. Dengan melatih anak-anak untuk mempraktikkan sifat-sifat mulia, anak-anak akan menjadikan ia satu tabiat di masa hadapan. Tambahan pula, perkembangan akhlak terbina melalui sikap yang berulang-ulang sejak kecil (Siti Nurlina Muhamad et al., 2012; Musa, 2010), contohnya anak-anak yang belajar untuk mengulangi sikap jujur dan baik hati akan bersikap jujur dan baik hati apabila mereka membesar.

Menurut Tate (2011), jika ibu bapa mahu menjadikan sesuatu perilaku yang baik menjadi tabiat, ia perlu dilakukan secara berterusan. Malah, menurut Tate, ibu bapa yang mahu mengajar anak-anak mengemas katil dan menjadikan ia satu tabiat, ianya perlu dilakukan berterusan selama tiga minggu sekurang-kurangnya untuk menjadikan ia satu kebiasaan bagi anak-anak.

Anak-anak perlu diberikan didikan sejak kecil lagi. Sepanjang proses pengamalan sikap dan nilai-nilai murni, ibu bapa memainkan peranan yang besar untuk membentuk akhlak mulia melalui sikap yang berulang-ulang. Anak-anak perlu dibiasakan untuk berakhlak baik, bersopan santun dan bergaul bersama orang lain (Abdullah Nasih Ulwan, 1998). Hal ini kerana, sikap yang dibina baik sejak kecil akan menghasilkan kemahiran pengaturan kendiri yang mantap apabila meningkat dewasa. Tambahan pula, peranan ibu bapa semakin berkurangan apabila anak-anak mula memasuki sekolah menengah. Seperti contoh, apabila anak-anak meningkat dewasa, mereka dijangkakan akan dapat mengatur sendiri sikap mereka terhadap pembelajaran (Zimmerman dan Cleary, 2009) dengan menyiapkan kerja sekolah, mencari maklumat melalui internet dan menyiapkan tempat untuk belajar bersendirian. Semua ini dapat dilakukan apabila anak-anak sudah dilatih sejak kecil dan ianya menjadi kebiasaan bagi mereka.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membantu anak-anak menguasai kemahiran pengaturan kendiri sehingga akhirnya melahirkan manusia yang berakhlak mulia. Sikap-sikap yang baik perlu diterapkan melalui interaksi dengan anak-anak, menunjukkan contoh sikap yang mulia, menggunakan pengukuhan positif dan

negatif untuk meningkatkan pengamalan sikap tersebut dan akhirnya menjadikan sikap yang baik sebagai satu kebiasaan melalui pengamalan berulang-ulang.

BIBLIOGRAFI

- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (n.d.). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qahirah: Maktabah Zahran.
- al-Ghazali, Imam. (1987). *Ihya' 'Ulumuddin*. (Vol.III). Darul Riyan
- Abdullah Nasih 'Ulwan. (1998). *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Nasih 'Ulwan. (1981). *Tarbiyyatul Awlad fil Islam*. Beirut: Darul Salam Lattiba'ah Wan Nasyri Wan Tausik.
- Baker, C.N. & Hoerger, M. (2012). Parental Child-Rearing Strategies Influence Self- Regulation, Socio-Emotional Adjustment, and Psychopathology In Early Adulthood: Evidence From A Retrospective Cohort Study. *Personality and Individual Differences*, 5, 800–805.
- Bergin, C.C. & Bergin, D.A. (2012). *Child and Adolescent Development in Your Classroom*. USA: Wadsworth.
- Blair, C., Calkins, S., & Kopp, L. (2010). Self-regulation as the Interface of Emotional and Cognitive Development: Implications for Education and Academic Achievement. Dalam Hoyle, R.H. *Handbook of Personality and Self- regulation*. UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Bornstein, M.H., Putnick, D.L., Lansford, J.E., Al-Hassan, S.M., Bacchini, D., Bombi, A.S., Chang, L., Deater-Deckard, K., Di Giunta, L., Dodge, K.A., Malone, P.S., Oburu, P., Pastorelli, C., Skinner, A.T., Sorbring, E., Steinberg, L., Tapanya, S., Tirado, L.M.U., Zelli, A., & Alampay, L.P. (2017). 'Mixed Blessings' Parental Religiousness, Parenting, and Child Adjustment in Global Perspective. *J Child Psychol Psychiatry*. 58(8): 880–892.
- Carver, C.S. & Scheier, M.F. (2011) Chapter 1: Self-regulation of Action and Affect. Dalam Vohs, K.D. & Beumeister, K.F. (Eds.). *Handbook of Self-regulation: Research, Theory and Application*. (ms.3-21). New York: The Guildford Press.
- Corey, G. (2009). *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy*. (Ed. 8). USA: Thomson Higher Learning
- Eekelen, I.M.V., Boshuizen, H.P.A. & Vemunt, J.D. (2005). Self-regulation in Higher Education Teacher Learning. *Higher Education*, 50(3), 447-471.
- Flora, S.R. (2012). *The Power of Reinforcement*. Albany, USA: State University of New York Press
- Florez, I.R. (2011). *Developing Young Children's Self-regulation through Everyday Experience*. Retrieved on July 3rd, 2011 from http://www.naeyc.org/files/yc/file/201107/Self-Regulation_Florez_OnlineJuly2011.pdf.
- Fritz, B.S. & Peklaj, C. (2011). Processes of self-regulated learning in music theory in elementary music schools in Slovenia. *International Journal of Music Education*, 29(15).

- Gurland, S.T. & Glowacky, V.C. (2011). Children's Theory of Motivation. *Journal of Experimental Child Psychology*, 110, 1-19.
- Janssen, V., De Gucht, V., van Exel, H., & Maes, S. (2012). Beyond Resolutions? A Randomized Controlled Trial of Self-regulation Lifestyle Programme for Post-Cardiac Rehabilitation Patients. *European Journal for Preventive Cardiology*, 20(3), 431-441.
- Johnson, A.M., Azevedo, R. & D'Mello, S.K. (2011). The Temporal and Dynamic Nature of Self-Regulatory Processes During Independent and Externally Assisted Hypermedia Learning. *Cognition and Instruction*, 29(4), 471-504.
- Koole, S.L. McCullough, M.E., Kuhl, J. & Peter, H.M.P. (2009). Why Religion's Burdens Are Light: From Religiosity to Implicit Self-Regulation. *Personality and Social Psychology Review*, 14(95).
- Mason, L.H., Harris, K.R. & Graham, S. (2011). Self-Regulated Strategy Development for Students with Writing Difficulties. *Theory into Practice*, 50(1), 20-27.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar & Salehuddin Sabar. (2007). Konsep Kendiri Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang*, 5-6 September 2007, Merdeka Palace Kuching, Sarawak.
- Musa. (2010). Pembelajaran untuk Meningkatkan Akhlak Pada Pendidikan Agama Islam. Proceedings: International Seminar of Comparative Studies in Educational System between Indonesia and Malaysia, ms. 1225-1232.
- Petro, M., Edna, R., Erasmus, C. & Roman, N.V. (2017). The Effect of Religion on Parenting in Order to Guide Parents in the Way They Parent: A Systematic Review. *Journal of Spirituality in Mental Health*, DOI:10.1080/19349637.2017.1341823
- Schunk, D.H. & Zimmerman, B.J. (2003). Self-Regulation and Learning. Reynolds, W.M. & Miller, G.E. *Handbook of Psychology*, p.59-75. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Shmitz, B. & Perels, F. (2011). Self-monitoring of Self-regulation During Math Homework Behaviour Using Standardized Diaries. *Metacognition Learning*, 6, 255-273.
- Semetsky, I. (2010). The Folds of Experience, or: Consulting the Pedagogy of Values. *Educational Philosophy and Theory*, 42(4).
- Shields, C. & Gredler, M. (2003). A Problem-Solving Approach to Teaching Operant Conditioning. *Teaching of Psychology*, 30(2), 114-116.
- Siti Nurlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Nurazmallail Marni & Mahpuz The. (2012). Pendidikan Anak-anak Peringkat Murahiq: Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, p. 415-421
- Syed Abdurahman Syed Hussin (2005), Pendekatan Targhib Dan Tarhib Dalam Penyampaian Dakwah, *Jurnal Usuluddin*, 21, Julai 2005.
- Tate, M.L. (2011). Preparing Children for Success in School and Life: 20 Ways to Increase Your Child's Brain Power. California: Corwin

- Usher, E.L. & Pajares, F. (2008). Self-Efficacy for Self-Regulated Learning : A Validation Study. *Educational and Psychological Measurement*, 68(443).
- Zimmerman, B.J. & Cleary, T.J. (2009). Motives to Self-regulate Learning: A Social Cognitive Account. In Wentzel, K.R. & Wigfield, A. *Handbook of Motivation at School*. New York: Routledge.